

LAPORAN MESYUARAT BERSAMA PANEL INDUSTRI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN BIL. 2/2017

Pada hari Isnin bersamaan dengan 12 Disember 2017, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah mengadakan satu mesyuarat bersama JK Penasihat Industri Politeknik Ibrahim Sultan. Mesyuarat telah diadakan di Bilik Persidangan PIS dan dipengerusikan oleh Y.B. DATUK HAJI AYUB BIN RAHMAT, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan Dan Penerangan, Negeri Johor. Seramai 40 orang ahli mesyuarat terdiri daripada Pengarah PIS, Tn. Hj. Rosli bin Hamid, Timbalan Pengarah Akademik (Mejar Norizam bin Sekak), Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (En. Noorazmi Bin Asmawi), Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Unit Politeknik Ibrahim Sultan serta penasihat-penasihat industri PIS yang lain; antaranya, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bin Hj. Zainuddin dari MRM, En. Petrus Leong dari MAH Johor Chapter, Pn. Hamidah Bt Anuar dari IRDA, Pn. Zakiyah bt Nawawi dari MIDA, En. Zulkefly Bin Songip dari SIRIM, En. Wan Jusaini Rizal dari SME Corp, Pn. Nurul Hayat dari EDC Johor, En. Mohd Suhezey Bin Shafie dari MyIPO, En. Adam Halim bin Ramli dari MMHE, En. Emran bin Kammin dari Mitsubishi Electric dan Pn. Marcella Harun dari MATTA.

Rumusan daripada agenda-agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat yang berlangsung dari pukul 9.30 pagi hingga 12 tengahari adalah seperti berikut:

1. Keperluan mengadakan hebahan/press release untuk KPI/ Pencapaian PIS sebagai motivasi kepada pihak yang lain.
2. PIS perlu menerangkan tentang mapping of industri
3. PIS perlu fokus untuk pembangunan potensi
4. Kursus baru akan diwujudkan di Poli – International halal Management; PIS perlukan respon balas dari industri dari segi sukatan subjek dan latihan.
5. UPIK akan menganjurkan persidangan mengikut bidang dan PPRN pada tahun 2018.
6. PIS berhasrat untuk jadi IKS di bawah UPIK, dengan memberi bantuan dari segi senggaraan mesin untuk usahawan yang ada masalah perniagaan.
7. Data yang terperinci dan lengkap diperlukan untuk laporan KPI untuk penempatan pelajar bekerja.
8. Penglibatan pelajar dalam bidang kemahiran perlu dipertingkatkan.
9. Keperluan untuk menemuramah pelajar yang berpendapatan lebih RM5000 untuk tujuan publisiti.

10. PIS berperanan penting sebagai institusi yang menerapkan elemen kepelbagaian budaya di kalangan pelajar tempatan dan pelajar asing.
11. PIS akan menjadi transit kepada pelajar asing sebelum ke university.
12. Penglibatan aktif PIS dalam bidang keusahawanan akan ditingkatkan.
13. Cadangan kolaborasi PIS dengan university dan pihak MRM serta menyediakan polisi IP peringkat politeknik untuk pengkomersialan produk inovasi.

Sebagai rumusan, pihak politeknik perlu mengambil serius cadangan serta pandangan yang dibentangkan ketika mesyuarat tersebut. Disamping itu, apa yang diharapkan kerjasama para penasihat industri dan PIS dapat dilihat sebagai suatu jalinan kerjasama yang positif dimana mampu memberikan impak yang berkesan kepada Politeknik Ibrahim Sultan amnya.



Disediakan oleh,

Siti Faezah Binti Ahmad Sazali,

Setiausaha

Penasihat Industri Politeknik Ibrahim Sultan.